



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN)
KENYATAAN SEBUTHARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN SEBUTHARGA	TAKLIMAT & LAWAT TAPAK	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
Sebutharga SH.IPPSP Bil. 2/2024 Perkhidmatan Menyedia dan Membekal Makanan Bermasak Bagi Institut Pengurusan Peladang (IPP) Sungai Petani untuk Dua (2) Tahun (01 Mei 2024 sehingga 30 April 2026)	24 Mac 2024 (Ahad) 12.00 Tengah Hari	040103 Makanan, Minuman dan Bahan Mentah – Makan Bermasak	RM20.00	31 Mac 2024 (Ahad) 12.00 Tengah Hari

Dokumen Sebutharga boleh dibeli di alamat berikut pada 24 Mac 2024 (Ahad) dalam waktu pejabat jam 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang

**INSTITUT PENGURUSAN PELADANG SUNGAI PETANI
LOT 1401, BAKAR ARANG,
PETI SURAT 81,
08000 SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN (Tel: 04-4213100)**

Pembekal yang berminat **DIJEMPUT** menghadiri taklimat Sebutharga seperti tarikh dan alamat di atas. Pembekal yang tidak hadir taklimat tidak akan dipertimbangkan dan semua surat menyurat berkaitan dengannya tidak akan dilayan. Hanya Pemilik Syarikat / Penama yang dibenarkan menghadiri taklimat dan pengambilan dokumen. Untuk maksud ini pembekal hendaklah membawa **PERAKUAN PENDAFTARAN ASAL DAN SALINAN SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN MOF** dan sijil Asal Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan.

Bayaran hendaklah dibuat dengan **Bank Draf/Secara Dalam Talian (Internet Banking – Instant Transfer Sahaja)** atas nama **INSTITUT PENGURUSAN PELADANG SUNGAI PETANI**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen sebutharga yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen serta dicatatkan nombor sebutharga di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen sebutharga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum tarikh tutup yang dinyatakan di atas jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebutharga ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

Tarikh Iklan : 21 Mac 2024 (Khamis)


SYAFIDAH BINTI D. RASID
Timbalan Pengarah
Bhg. Pembangunan Modal Insan
Lembaga Pertubuhan Peladang